

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]

TARIKH : 1 JULAI 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 51

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perkembangan semasa 63 resolusi Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara.

JAWAPAN:-

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara 2018 (KBN 2018) yang telah diadakan pada 1 September 2018 yang lalu merupakan platform penting kepada Kerajaan untuk memperkasa ekonomi Bumiputera.
2. KBN 2018 telah menghasilkan 63 resolusi merangkumi 4 bidang fokus iaitu nilai, moral dan etika; pendidikan dan modal insan; pemilikan dan penciptaan kekayaan; serta keusahawanan dan perniagaan. Sebahagian daripada cadangan resolusi kongres tersebut telahpun diambil kira dalam hala tuju, strategi dan inisiatif Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) yang telah dibentangkan di Parlimen pada 18 Oktober 2018.
3. Antara cadangan resolusi yang telah diambil kira dalam KSP RMKe-11 adalah seperti berikut:
 - (i) Menjadikan kongres Bumiputera nasional sebagai platform untuk memantau pelaksanaan resolusi menepati niat serta aspirasi komuniti Bumiputera negara;
 - (ii) Menstruktur semula agensi sedia ada supaya lebih efektif dan efisien serta bebas daripada campur tangan politik;
 - (iii) Mengkaji semula undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia Tahun 2009 (Akta 694) dan lain-lain cadangan akta bagi mengekang aktiviti manipulasi bagi mengaut keuntungan ('Ali Baba'), aktiviti sabotaj ekonomi serta membendung perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang;

- (iv) Memperkasa agensi sedia ada untuk mengawal selia dan melibatkan diri dalam pembangunan tanah rizab Melayu dan tanah Wakaf;
 - (v) Memberi perhatian lebih kepada kontraktor kelas F (Gred G1) dalam mengusahakan kontrak pembinaan; dan
 - (vi) Mewujudkan pangkalan data yang bersepadu (*integrated database*) dan boleh diakses daripada pelbagai agensi sedia ada, menuju ke arah inisiatif Data Raya (*Big Data*).
4. Manakala, cadangan-cadangan resolusi kongres yang lain telah diperhalusi dari masa ke masa dan akan diambil kira dalam penyediaan Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) di mana sesi libat urus akan diadakan dengan pemegang taruh utama daripada pelbagai segmen dan latar belakang. Sesi ini melibatkan pihak seperti kementerian/agensi, dewan perniagaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan badan bukan Kerajaan (NGO) bermula dengan sesi Persidangan Pelancaran Penyediaan Rancangan Malaysia Ke-12 pada 1 Julai 2019.
5. Kerajaan akan terus meningkatkan usaha demi memperkuatkan lagi tahap sosioekonomi kaum Bumiputera melalui pendekatan pembangunan yang inklusif dan holistik berdasarkan “*shared*

prosperity". Penyediaan RMKe-12 adalah fasa pertama inisiatif kemakmuran bersama. Peningkatan sosioekonomi bumiputera adalah komponen penting bagi memastikan hasil pertumbuhan ekonomi dapat dikongsi dan dinikmati oleh seluruh rakyat dan negara akan mencapai Kemakmuran Bersama

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

1 Julai 2019